

PENGGUNAAN KES DALAM PEMBELAJARAN



Bengkel *Training of College Trainers: Learning and Teaching Using Case Studies* anjuran UTLC, pada 25 hingga 28 Jun 2011 di Hotel Paradise Sandy Beach, Pulau Pinang telah berlangsung dengan jayanya.

Tujuan bengkel ini adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan serta latihan berkaitan penggunaan kes-kes dalam pembelajaran dan pengajaran di IPT kepada *College Trainers*

yang kemudiannya akan mengendalikan siri latihan yang serupa di peringkat kolej masing-masing. Hal ini adalah selaras dengan usaha universiti untuk membudayakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar kerana salah satu KPI bagi pensyarah dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) ialah setiap pensyarah boleh menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL).

Semasa bengkel berkenaan, peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menyelesaikan kes-kes yang disediakan oleh fasilitator. Komitmen dan kesungguhan peserta dapat dilihat melalui setiap sesi pembentangan kumpulan di mana mereka telah berjaya mempersembahkan hasil perbincangan dengan



cemerlang sekali. Moga segala ilmu yang telah mereka perolehi dalam bengkel ini dapat pula disebar dan dikongsi dengan rakan-rakan pensyarah yang lain nanti.

Pasukan fasilitator yang terlibat mengendalikan bengkel ini adalah Prof. Dr. Nur Adiana Hiau Abdullah, Prof. Madya Dr. Wan Nordin Wan Hussin, Dr. Zarifah Abdullah, Dr. Nafisah Hj. Mahmud dan diketuai oleh Dr. Rosliza Mat Zin. Seramai 16 orang *College Trainers* dari UUM CAS dan UUM COB telah menyertai bengkel ini.

